


BULETIN TERAJU

www.umk.edu.my



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



REGIONAL NETWORK ON POVERTY ERADICATION (RENPER @ UMK)



FASA RAIH ANUGERAH
BIO MALAYSIA
UMK lakar sejarah raih 1 emas,
3 perak dan 2 gangsa



1 PROGRAM 1 DAERAH
Usaha UMK merealisasikan
Ecer



RENPER @ UMK
Program pembasmian kemiskinan
peringkat IPT

Pengurusan UMK

Naib Canselor
Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai Mohamed

Timbalan-Timbalan Naib Canselor
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza Mohamed
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim Yahya
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

Pendaffar
En. Abdul Halim Abdul Rahman

Bendahari
Cik Hajah Siha Saat

Ketua Pustakawan
En. Azman Hashim

Editorial

Ketua Editor
Puan Wan Tik Sakinah Wan Mohd Zain
Pengarah Pusat Hubungan Korporat

Editor
Y.Bhg. Prof. Madya Datin Rosnah Mohamad Sirin
Liau Pei Wen

Wartawan
Syarimie Wosley
Normala Othman

Fotografi
Mohd Al Azam Mat Razi

Pereka
Elyani Zamri

Editor Bersekutu
Prof. Dr. Hj. Ibrahim Che Omar
Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli

Prof. Dr. Mohamed Dahlan Ibrahim
Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Prof. Madya Hj. Abdul Aziz Shuaib
Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Dr. Mohd. Azam Khan Goriman Khan
Pemangku Dekan Fakulti Perubatan Veterinar

Prof. Madya Abdul Aziz Ab. Latiff
Pengarah Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana

Prof. Madya Dr. Farok Zakaria
Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan
Pembangunan Insaniah

Prof. Rosdi Ab. Rahman
Pengarah Pusat Pembangunan dan
Pengurusan Akademik



Tajuk : TERAJU
Foto : Mohd Al Azam Mat Razi
Rekabentuk : Elyani Zamri

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:
PUSAT HUBUNGAN KORPORAT
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu, Kelantan

E-mel: korporat@umk.edu.my
Tel: 09-771 7010
Faks: 09-771 7022
Laman web: <http://www.umk.edu.my>



PERUTUSAN Naib Canselor

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Alhamdulillah segala puji ke hadrat Allah S.W.T Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihi.

Masa berlalu dengan cepat. Kita telah sampai ke penghujung tahun 2010 dan bakal melangkah ke tahun 2011. Sesungguhnya, banyak perkara yang telah kita lalui sepanjang tahun 2010 antaranya kejayaan menganjurkan pelbagai program bermanfaat di peringkat nasional dan antarabangsa seperti Program Perusahaan Sosial Untuk Pembangunan Ekonomi (SEED) dan sambutan Hari Antarabangsa Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga dan syabas kepada staf-staf dan pelajar UMK yang telah bertungkus lumus, memerah idea dan keringat untuk memastikan segala operasi serta aktiviti Universiti pada tahun 2010 berjalan mengikut perancangan.

Tahun 2010 merupakan tahun ketiga UMK beroperasi. Jumlah terkini pelajar UMK adalah lebih 1,800 orang berdasarkan empat kumpulan pengambilan iaitu sesi Julai 2007/2008, 2008/2009 dan 2009/2010. Universiti menawarkan 14 program pengajian melalui empat buah fakulti pada tahun 2010.

Pada tahun 2011, UMK akan mempunyai kampus di jajahan Bachok dan Jeli. Pembinaan UMK Kampus Bachok bagi Fasa 1 membabitkan kawasan seluas 230 hektar, manakala Kampus Jeli seluas 80 hektar. Apabila siapnya dua kampus utama tersebut maka beberapa kemudahan akan dipertingkatkan seperti pertambahan fakulti, pertambahan keluasan untuk aktiviti pelajar, kemudahan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang meluas, pusat kemudahan serbaguna, kolej kediaman dan dewan serbaguna.

Kampus Bachok akan menempatkan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, bangunan akademik dan pejabat Jabatan Pembangunan Infra dan Perkhidmatan manakala Kampus Jeli akan menempatkan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli. Kesemuanya akan siap digunakan di pertengahan tahun 2011.

Dalam perkembangan lain, pembukaan kampus UMK di Bachok dan Jeli kelak membolehkan UMK menampung seramai 3,000 mahasiswa iaitu tambahan melalui pengambilan pelajar tahun depan malah menjelang tahun 2020, UMK dijangka mempunyai 10 fakulti yang menawarkan 54 program kepada 15,000 pelajar termasuk pasca ijazah.

Kesimpulannya, UMK sentiasa berusaha untuk mencapai sasaran bagi membangun dan melahirkan modal insan yang lebih berkualiti sekaligus melahirkan graduan kompetan iaitu mampu berdikari bagi menghadapi cabaran persekitaran dunia hari ini yang semakin bersifat kompetitif selaras dengan kualiti pendidikan yang ditawarkan.

Segala perancangan pembangunan UMK diharap terus mendapat sokongan oleh semua pihak bagi memastikan UMK akan terus membangun dan berkembang mengikut perancangan serta memberi impak kepada negara khususnya negeri Kelantan Darul Naim.

Selamat Tahun Baru 2011 dan semoga kita dapat memulakan lembaran baru yang lebih baik pada tahun 2011.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed.

MANFAATKAN KEPENTINGAN

SAINS DAN TEKNOLOGI

DIKALANGAN PELAJAR SEKOLAH



Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Y.B. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed dan Pengerusi BAKTI Kelantan, Datin Sri Khamarzan Ahmed Meah merasmikan Program Selangkah Ke Universiti dan 1Program 1Daerah.

GOLONGAN pendidik dan guru-guru sekolah diminta sentiasa memanfaatkan bidang Sains dan Teknologi serta memperkasakan subjek Bahasa Inggeris bagi menjana kekayaan sesuatu kawasan dalam pembangunan modal insan yang berkecemerlangan tinggi.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Y.B. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed menyifatkan objektif utama Universiti Malaysia Kelantan melaksanakan program Satu Program Satu Daerah (1P1D) ialah bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk membangunkan ekonomi di wilayah Pantai Timur (ECER).

Beliau berkata, program perkongsian ilmu dan pemindahan teknologi antara warga pendidik dengan masyarakat ini selari dengan hasrat kerajaan untuk menjalinkan hubungan dan usahasama erat antara institusi pendidikan dan bidang perindustrian yang terdapat di negara ini untuk faedah bersama yang boleh dimanfaatkan.

"Kita juga berharap menerusi pelaksanaan program 1P1D ini dapat membantu masyarakat setempat untuk membangunkan bidang pendidikan di sesuatu wilayah dan kawasan melalui khidmat nasihat yang diperolehi daripada pakar dalam bidang tertentu," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Majlis Pelancaran Program Selangkah Ke Universiti dan Program 1P1D 2010 di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK, pada 10 Oktober 2010.

Sementara itu, Dato' Sri Mustapa menjelaskan Program Selangkah Ke Universiti merupakan mekanisme Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI) untuk meningkatkan motivasi dan keinginan pelajar untuk berusaha dengan lebih gigih lagi dan berupaya menyambung pelajaran ke peringkat universiti.

Turut hadir pada majlis itu, Pengerusi BAKTI Kelantan, Y.Bhg. Datin Sri Khamarzan Ahmed Meah.

BAKTI,UMK jayakan PROGRAM SELANGKAH KE UNIVERSITI

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) dan Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri (BAKTI) bekerjasama menjayakan Program 'Selangkah ke Universiti' peringkat negeri Kelantan dalam usaha memupuk semangat memasuki universiti dalam kalangan pelajar yang berpotensi berjaya dalam bidang akademik.

Program 'Selangkah ke Universiti' anjuran BAKTI dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan 14 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) meluaskan program memperkasakan rakyat melalui usaha meningkatkan kesedaran pelajar sekolah luar bandar melalui inisiatif Selangkah ke Universiti.

Program 'Selangkah ke Universiti' merupakan program sehari di mana pelajar akan dibawa ke universiti dan menjalani proses penerapan dan pendedahan kampus supaya mereka lebih mengenali kehidupan di universiti selain menggalakkan mahasiswa universiti untuk terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan.

Sementara itu, kumpulan sasaran program ini adalah pelajar-pelajar yang tidak mempunyai ahli keluarga yang pernah belajar di universiti dan pelajar yang mempunyai potensi untuk berjaya.

Program 'Selangkah ke Universiti' akan menjadi pendorong semangat kepada pelajar untuk lebih berusaha dalam pelajaran agar dapat menjejak kaki ke menara gading kelak selain dapat membantu mereka mengenal pasti bidang pengkhususan yang ingin diceburi selepas tamat persekolahan menengah serta memperkenalkan kehidupan sebenar sebagai mahasiswa di universiti.

Dalam pada itu, program tersebut akan memberi keutamaan kepada pelajar Tingkatan 4 yang tidak mempunyai ahli keluarga yang belajar di universiti dengan harapan apabila pelajar berkenaan layak ke universiti, ia akan dituruti oleh ahli keluarga yang lain.

Sementara itu, majlis pelancaran program 'Selangkah ke Universiti' peringkat negeri Kelantan telah disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Sri Mustapha bin Mohamed di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK pada 10 Oktober 2010.

Turut hadir isteri YB Dato' Sri Mustapha yang juga Pengerusi BAKTI Kelantan, Y.Bhg. Datin Khamarzan Ahmed Meah.

Pada majlis yang sama, YB Dato' Sri Mustapha bin Mohamed turut menyempurnakan upacara penutupan 1 Program 1 Daerah yang dilaksanakan oleh UMK dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kelantan.

Belbagai program menarik telah disusun sepanjang program 'Selangkah ke Universiti' berlangsung di UMK antaranya adalah Ceramah 'Mengapa Mesti Ke Universiti' oleh Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah UMK, Y.Bhg. Prof. Dr. Farok bin Zakaria, sesi bersama dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMK serta lawatan sekitar kampus.

KEUSAHAWANAN KEJURUTERAAN LESTARIKAN PEMBANGUNAN EKONOMI



Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai Mohamed menandatangani plak bagi merasmikan Program Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan (NCEEE) 2010.

MELESTARIKAN pendidikan kejuruteraan melalui keusahawanan mampu menambah baik nilai komersial inovasi kejuruteraan, kecekapan pengeluaran dan daya saing negara selaras dengan hasrat kerajaan bagi menjayakan Model Baru Ekonomi (MBE).

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed menyifatkan penganjuran bersama Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan (NCEEE) 2010 oleh UMK dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang diadakan dari 25 hingga 26 September 2010 berjaya menerapkan perkongsian aliran dan idea dua buah Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

"NCEEE 2010 bertujuan mengukuhkan kefahaman dan kesediaan peserta ke arah memperkasakan usaha penerapan serta kesepaduan pendidikan kejuruteraan dan keusahawanan," katanya.

Tambah beliau, NCEEE 2010 diharap dapat merealisasikan matlamat menghasilkan tenaga kerja kejuruteraan berdaya usahawan.

"Dalam persidangan ini, beberapa isu-isu penerapan pendidikan kejuruteraan dan pendidikan keusahawanan yang melestarikan pembangunan negara turut dibincangkan dalam forum dan pembentangan kertas kerja oleh peserta," katanya.

KONVOI JELAJAH CEGAH MASALAH BUANG BAYI 1MALAYSIA

PROGRAM Kempen Kami Prihatin mampu meningkatkan kesedaran mahasiswa dan mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tentang masalah gejala sosial dan isu pembuangan bayi yang semakin kritikal di negara ini.

Sehubungan itu, bagi membolehkan maklumat mengenai isu pembuangan bayi dan penderaan kanak-kanak disebar dengan lebih meluas, Konvoi Jelajah 1Malaysia sempena Kempen Kami Prihatin diadakan sejak 26 Oktober lalu di Johor.

Konvoi Jelajah 1Malaysia tiba di Kampus Sementara Universiti Malaysia Kelantan, Pengkalan Chepa, Kelantan pada 30 Oktober 2010 untuk bertemu dengan pelajar UMK bagi memastikan kempen tersebut sampai ke kumpulan sasaran sekaligus mencapai matlamat yang digariskan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed menyifatkan penganjuran Konvoi Jelajah 1Malaysia bukan sahaja dapat membantu mencegah masalah pembuangan bayi tetapi turut menyumbang kepada aktiviti promosi pelancongan negara.

UMK amat berbangga dan mengucapkan terima kasih atas kesudian pihak penganjur memilih UMK antara destinasi pilihan konvoi dan memberi peluang kepada warga UMK bertemu dengan peserta konvoi yang amat prihatin dengan permasalahan pembuangan bayi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Sambutan Konvoi Jelajah 1Malaysia sempena Kempen Kami Prihatin, di Dewan Terbuka Keusahawanan UMK pada 30 Oktober 2010.

Sementara itu, Konvoi Jelajah 1Malaysia menyaksikan 150 motosikal berkuasa tinggi dengan lebih 200 peserta tiba tepat pada jam 10.20 pagi di UMK dan disambut oleh Prof. Dato' Dr. Mortaza bersama 300 pelajar serta kakitangan universiti.



Warga Universiti Malaysia Kelantan menyambut kehadiran 150 buah motosikal berkuasa tinggi sempena Program Konvoi Jelajah 1Malaysia.

Turut sama dalam konvoi kempen mencegah pembuangan bayi tersebut ialah penaung program Jelajah 1Malaysia, Tunku Hassan Tunku Mohammed Archibald, Pengerusi Persatuan Bermotorsikal Negeri Johor, Abdul Rahim Ahmad dan penyanyi terkenal, Fauziah Latiff.

Program Konvoi Jelajah 1Malaysia adalah anjuran Persatuan Bermotorsikal Negeri Johor (PBNJ) dengan kerjasama Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan disokong Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

UMK merupakan institusi keenam yang dilawati dalam siri jelajah melebihi 3,200 kilometer selepas Universiti Teknikal Malaysia (UTeM), Melaka; Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Negeri Sembilan; Kolej Islam Antarabangsa (KIA), Selangor; Kolej Komuniti Kepala Batas (KKKB), Pulau Pinang dan Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah.

PROGRAM RENPER

USAHA UMK BASMI KEMISKINAN



Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin memberi ucapan pada majlis berkenaan.

INSTITUSI pengajian tinggi (IPT) perlu memainkan peranan masing-masing dengan menjadikan pembasmian kemiskinan sebagai salah satu agenda utama Universiti dalam usaha membantu mengurangkan kadar kemiskinan negara ke tahap sifar menjelang 2020.

Menteri Pengajian Tinggi, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin berkata, pihaknya mahu Universiti mula memikirkan peranan dan sumbangan yang boleh diberikan kepada masyarakat khususnya dalam membantu membangunkan ekonomi golongan miskin untuk membawa mereka keluar dari belunggu kemiskinan.

"Kementerian Pengajian Tinggi telah memperkenalkan program jalinan masyarakat bagi membolehkan IPT terus menyumbang kepada pembangunan kumpulan sasaran secara berterusan dan menyeluruh termasuk membantu menyelesaikan isu kemiskinan.

"Kita mahu program jalinan Universiti dan masyarakat dilaksanakan dengan lebih rapat dan kerap kerana masyarakat sememangnya menaruh kepercayaan tinggi kepada Universiti apatah lagi ia mempunyai ramai cendekiawan yang boleh membantu mereka berhadapan dengan cabaran kehidupan seperti kemiskinan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pelancaran Universiti Malaysia Kelantan (UMK) *Regional Network on Poverty Eradication* (RENPER@UMK), sempena sambutan UNESCO *International Days, Years and Decades on Poverty Eradication*, pada 28 Oktober 2010 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Indera Petra 1, Gua Musang.

Serentak dengan penubuhan RENPER, satu seminar antarabangsa tentang pembasmian kemiskinan telah diadakan pada 26 dan 27 Oktober 2010 bertempat di Universiti Malaysia Kelantan yang telah dihadiri oleh IPTA dan berbagai agensi kerajaan yang berkepentingan dalam usaha pembasmian kemiskinan.

Turut hadir Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed dan Pemangku Pengarah Eksekutif Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN), En. Wan Ahmad Wan Yusuf.

RENPER ialah satu jalinan kerjasama antara 11 universiti daripada lapan negara sebagai suatu inisiatif UMK yang juga bermatlamat untuk memperkukuhkan pengantarabangsaan universiti.

RENPER yang diilhamkan oleh Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), UMK bertujuan untuk menggalakkan perkongsian ilmu dan kepakaran antara universiti dan agensi berkaitan melalui penyelidikan, kaedah bimbingan dan kaunseling serta pelaksanaan program khusus kepada keperluan sasaran dalam pembasmian kemiskinan.

Selain daripada usaha RENPER, FASA telah juga membentuk 6 inisiatif dalam pembasmian kemiskinan yang terdiri daripada penasihat dan perundingan komuniti, motivasi dan pengukuhan ciri kerohanian, mewujudkan peluang perniagaan, meningkatkan literasi saintifik dan intelek dalam masyarakat, mengubah minda masyarakat dan memberi kemahiran dan pengetahuan sebagai satu kaedah pendidikan sepanjang hayat.

Antara universiti yang menganggotai RENPER adalah UMK, UniSZA, UiTM, USM, University of Battambang, Kemboja, Universitas Bengkulu dan Universitas Andalas, Indonesia, Banking University of Ho Chi Minh City, Vietnam, Prince of Songkla University, Thailand, University of Yangon, Myanmar, University of Dhaka dan Bangladesh Agricultural University, Bangladesh. Usaha RENPER ini juga disokong oleh ECERDC dan KESEDAR yang telah pun menjalinkan kerjasama yang kukuh dengan UMK.

Dato' Seri Mohamed Khaled berkata, RENPER adalah antara usaha berkesan oleh UMK dalam membangunkan sosio-ekonomi masyarakat untuk membantu membasmi kemiskinan dengan menggunakan kepakaran yang terdapat di universiti kepada masyarakat selari dengan hasrat kerajaan, untuk menjadikan UMK relevan kepada masyarakat dan pembangunan wilayah.

"Langkah yang diambil oleh UMK ke arah menjadikan negara kita sebuah negara maju serta mengeluarkan masyarakat dari paras kemiskinan seharusnya menjadi contoh kepada universiti lain.

"Kita tidak mahu universiti terpisah daripada masyarakat kerana institusi pendidikan berperanan menyalurkan ilmu kepada masyarakat untuk membangunkan kehidupan mereka malah tanggungjawab menjayakan transformasi negara adalah terletak di bahu semua pihak," ujarnya.

malam SANGGAR KEUSAHAWANAN UMK 2010

IKTIRAF KECEMERLANGAN PELAJAR TAHUN AKHIR UMK

BAKAL graduan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) disarankan melengkapkan diri dengan nilai-nilai kemahiran insaniah yang tinggi, kompetitif, produktif dan memiliki kualiti diri untuk merebut peluang pekerjaan dan perniagaan dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Pengerusi Lembaga Pengarah UMK, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman berkata, nilai-nilai kemahiran insaniah akan membantu meningkatkan tahap kompetensi bakal graduan untuk bersaing dengan graduan universiti lain.

"Bakal graduan UMK terpaksa bersaing dengan ribuan graduan yang menamatkan pengajian setiap tahun. Mereka perlu mengambil kesempatan dari ETP yang diterajui oleh sektor swasta seperti yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun bin Abdul Razak, baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Perasmian Malam Sanggar Keusahawanan 2010 anjuran UMK di Kelantan Trade Centre, Kota Bharu, pada 29 Oktober 2010.

Turut hadir Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed.

Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah menambah, UMK telah mencapai tujuan penubuhan secara betul sekiranya semua lulusan UMK berjaya menjadi pemilik perniagaan.

"UMK juga berjaya memenuhi matlamat penubuhannya jika kebanyakan graduan UMK bekerja dengan syarikat dan organisasi kerajaan serta memiliki mindset keusahawanan," katanya.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed, berkata anugerah ini bertujuan untuk meraikan usahawan luar biasa Pelajar Tahun Akhir Universiti dalam aspek keusahawanan selain merakamkan penghargaan, pencapaian dan sumbangan mereka terhadap komuniti pelajar serta masyarakat umum.

Anugerah Sanggar Keusahawanan terbahagi kepada empat kategori iaitu Pemenang Pertandingan *Business Plan* (Rancangan Perniagaan), Tokoh Usahawan Niaga, Tokoh Usahawan Korporat dan Tokoh Usahawan Sosial.



Pemegang

PERTANDINGAN RANCANGAN PERNIAGAAN BERASASKAN PROJEK PERNIAGAAN

○ **PEMENANG PERTAMA**
Kumpulan **ENTERCHAMP**
Wendy Ho Siang Yee
Sakhty Nathan a/I Muthiah
Kenny Khoo Keon Shim
Tan Ai Shing
Ng Jin Shen

○ **TEMPAT KEDUA**
Kumpulan **STARLIGHT**
Tan Phei Eong
Chan Kar Hor
Jason Goh Vent Heng
Phang Shene Ru
Mohammad Taufiqil Khalid Yahya

○ **TEMPAT KETIGA**
Kumpulan **PIONEER X**
Ean Wee Chen
Lee Wee Ping
Rajeswary a/p Turajoo
Mohd Zaki Mohd Yamin
Mohd Khairul Azman

ANUGERAH USAHAWAN SOSIAL UMK 2010

○ Alif Hafizuddin Zakaria

ANUGERAH KHAS JURI (Kumpulan Yang Menyumbang Inovasi Keusahawanan Sosial)

Kumpulan **GREEN INOVATION
ENTERPRISE**
Kanrajan a/I Munusamy
Ganessan a/I Nallan
Sathiswaran a/I Uthamaputran
Alfonso Fancis Anak Hill
Hairul Annuar

ANUGERAH USAHAWAN NIAGA UMK 2010

Mohd Khairil Hazwan Abdul Haris

UMK AGE COUNCIL

Bantu Lahir Graduan Kompeten

DALAM usaha melahirkan graduan yang kompeten dan bereputasi tinggi di pasaran, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menubuhkan *Universiti Malaysia Kelantan Action Group for Entrepreneurship Council (UMK AGE Council)* bagi jaringan perkongsian pintar antara Universiti dan pihak industri.

Konsep kerjasama pintar ini digunakan dalam jaringan kerjasama antara Universiti dan industri, pada masa yang sama mengiktiraf Universiti dari pelbagai aspek perkongsian seperti kepakaran, perundingan, penyelidikan serta penyelesaian masalah yang dihadapi oleh pihak mereka.

Sehubungan itu, melalui penubuhan *UMK AGE Council* membolehkan pihak Universiti dan industri melihat peluang dan juga merangka perancangan kerja yang lebih efektif dan dapat memberi impak yang terbaik kepada semua pihak.

Pihak Universiti akan memastikan peluang yang diperoleh hasil jaringan bersama industri dimanfaatkan sepenuhnya, justeru itu Universiti perlulah memahami konsep jaringan kerjasama pintar yang telah dibentuk serta memahami matlamat yang ingin dicapai daripada jaringan tersebut.

Melalui kerjasama pintar *UMK AGE Council*, pihak industri juga akan berpeluang untuk memperoleh kebaikan bukan sahaja daripada Universiti malah daripada industri-industri lain.

Pihak industri akan dapat membangunkan organisasi serta meningkatkan prestasi syarikat dengan terjalannya kerjasama dan juga perkongsian maklumat dengan industri lain melalui pelaksanaan model *UMK AGE Council*.

Gabungan kerjasama ini dapat menyumbang kepada aspek keusahawanan sosial, keusahawanan korporat serta keusahawanan politik kepada Universiti. Hasil yang diperoleh melalui gabungan kerjasama ini akan dapat digunakan dalam semakan semula kurikulum dan silibus pengajian, pelaksanaan mobiliti pelajar dan staf serta penerimaan input dari pihak Industri.

Proses pembangunan pelan *UMK AGE Council* melibatkan beberapa perancangan model dan terma yang telah ditetapkan iaitu Kreativiti dan Inovasi dan Komersialan, Memperkasakan Modal Insan, Kelestarian Ilmu dan Penjana Pendapatan.

Ahli *UMK AGE Council* adalah seramai 20 orang yang terdiri daripada pihak industri dalam pelbagai bidang yang berbeza yang dilantik sebagai panel penasihat kepada Universiti.



Majlis Pelancaran

Regional Network On Poverty Eradication (RENPER@UMK)

Lenso

KUMPULAN 1
28-30 OKT. 2010



Majlis Hari Raya 2010



BUILDING
The **UMK** Team 2010



Program SELANGKAH KE UNIVERSITI & 1 Program Daerah



KUMPULAN 2
30 OKT - 1 NOV. 2010

UMK TAWAN GUNUNG KINABALU



TEPAT jam 5.20 pagi 18 September 2010, pelajar dan staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah melakar sejarah menawan puncak Gunung Kinabalu dalam ekspedisi Pendakian Enterprenasi Gunung Kinabalu, 2010 yang diadakan dari 15 hingga 19 September 2010.

Berbekalkan semangat kecekalan dan ketabahan, 25 pelajar dan tiga staf UMK, telah berjaya menyempurnakan misi pendakian gunung tertinggi di Asia Tenggara dengan ketinggian 4095.2 meter dari paras laut.

Menurut Ketua Projek Ekspedisi, Muhamad Hafiez bin Yacob, para peserta berjaya menempuh pelbagai dugaan dan cabaran sepanjang pendakian walaupun ada antara mereka hampir putus asa.

"Bagaimanapun, semangat kental yang mereka ada akhirnya berjaya menjadikan pendakian sehingga ke puncak gunung satu kenyataan pada 18 September 2010," katanya.

Dalam pada itu, Muhamad Hafiez berkata pasukan UMK telah bertolak ke Kota Kinabalu, Sabah pada 16 September 2010 dan meneruskan perjalanan ke kaki Gunung Kinabalu pada 17 September 2010 jam 9.40 pagi.

"Mereka memulakan pendakian kira-kira jam 10.30 pagi pada hari yang sama," katanya.

Jelas beliau, program ekspedisi anjuran Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Kesenian, UMK, ini adalah satu kejayaan besar bagi Universiti kerana ia adalah pertama kali diadakan dan aktiviti seperti ini patut diteruskan pada masa akan datang.

"Aktiviti seumpama ini bukan sahaja dapat menaikkan lagi nama Universiti malah meningkatkan jati diri pelajar UMK dan menanam nilai-nilai sabar, bersungguh-sungguh, bekerjasama, kesepaduan, bertolak-ansur dalam pasukan," katanya

Administration Staff Entrepreneurial Community (AdSEC), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan kerjasama Skuad 4x4 & Dirt Bike Radio Televisyen Malaysia (RTM) telah menganjurkan aktiviti Kembara 4x4 Keusahawanan UMK di penempatan Orang Asli di Gunung Pasong (Pos Sungai Rual, Jeli) pada 22 hingga 24 Oktober 2010.

Konvoi julung-julung kali diadakan ini telah disempurnakan pelepasannya oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Y.Bhg Prof. Dato. Dr. Mortaza bin Mohamed.

KEMBARA 4x4 KEUSAHAWANAN UMK uji ketahanan mental



Menurut Pengerusi AdSEC, Encik Muhammad Saffie bin Mohd Yasan berkata, sejumlah 14 buah kenderaan 4x4 dan 20 buah motosikal lasak telah menyertai cabaran ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada staf UMK mengenai aktiviti-aktiviti lasak 4x4.

"Aktiviti kembara 4x4 Keusahawanan UMK juga bertujuan menjalinkan hubungan baik dengan Skuad 4x4 & Dirt Bike RTM serta masyarakat orang asli," kata beliau.

Tambahnya, seramai tujuh staf UMK telah menyertai kembara ini bagi melaksanakan khidmat masyarakat bersama aktiviti-aktiviti di luar waktu pejabat bagi mengeratkan hubungan sesama staf serta UMK dan masyarakat.

"Pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang program itu berlangsung antaranya ialah cabaran aktiviti lasak 4x4 sepanjang perjalanan ke Pos Sg Rual, Jeli, majlis BBQ, karaoke dan Malam Kebudayaan. Kemuncak program ialah aktiviti beramah mesra dan pengagihan pakaian kepada masyarakat orang asli," katanya.



FACEBOOK TWITTER

tarik generasi muda minat kesenian warisan negara

MAJLIS Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) disaran memanfaatkan kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) khususnya melalui kewujudan laman web sosial seperti facebook dan twitter untuk menarik lebih ramai generasi muda meminati kesenian warisan di negara ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof. Madya Dr. Mohd Fadzil Abdul Rahman berkata, generasi muda kini didapati lebih gemar menggunakan laman web sosial untuk tujuan yang kurang

bermanfaat seperti menghentam, mengkritik, melepaskan marah dan sebagainya.

"Sekiranya kita dapat memaparkan maklumat berkaitan kesenian warisan negara seperti pengajaran dan pembelajaran seni Mak Yong dalam *facebook* dan *twitter*, ia mungkin akan menarik minat generasi muda untuk mengenali Mak Yong.

"Saya yakin jika kita dapat menggunakan kewujudan laman web sosial dengan cara yang betul, maka usaha memartabatkan aktiviti kesenian tradisional seperti Mak Yong dalam kalangan generasi muda akan mencapai hasil yang diinginkan," katanya.

NIC-2010 BANTU PUPUK KEPIMPINAN PELAJAR IPT



Tan Sri Dato' seri Dr. Haji Abu Hassan Omar bersama Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai Mohamed menyempurnakan perasmian cabaran National Internship Challenge 2010.

NATIONAL Internship Challenge (NIC) 2010 anjuran portal kerjaya, Jobmarket Malaysia Sdn. Bhd. (Jobmarket Malaysia) dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah platform terbaik untuk membantu mahasiswa dan mahasiswi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) membina kemahiran kepimpinan untuk menghadapi cabaran dalam dunia pekerjaan sebenar.

Pengerusi BASIS Holdings Sdn Bhd, Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Abu Hassan bin Haji Omar menyifatkan cabaran program NIC 2010 yang berlangsung di UMK bertujuan melatih mahasiswa dan mahasiswi membina kemahiran kepimpinan dan mampu berfikir di luar kotak.

Katanya, cabaran NIC 2010 mampu memberi kemahiran tambahan kepada para peserta bagi menghadapi persaingan

dalam dunia pekerjaan sebenar selain dapat menjalinkan hubungan dua hala antara UMK dan pihak industri.

"Keusahawanan telah dipilih sebagai tema NIC 2010 sebagai usaha menggalakkan mahasiswa menceburi bidang keusahawanan apabila mereka tamat pengajian dan tidak terlalu bergantung kepada pekerjaan sedia ada di pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian program NIC 2010 anjuran Jobmarket Malaysia iaitu anak syarikat BASIS Group of Companies (BASIS) di Dewan Kuliah 3 dan 4, Kampus Sementara UMK, Pengkalan Chepa, Kelantan pada 24 November 2010.

Turut hadir Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir Dr. Zainai bin Mohamed dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed.

Startup Day Kota Bharu

bantu lahir usahawan berjaya

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) telah dipilih sebagai lokasi penganjuran program *Startup Day Kelantan* yang merupakan sebuah program berbentuk bengkel bertujuan menyemai inspirasi, memberikan panduan dan melatih usahawan mahupun bakal usahawan.

Jelajah *Ignite Your Startup* ini dibawakan oleh Global Entrepreneurship Sdn. Bhd. sebuah anak syarikat milik Warisan Global Sdn. Bhd. (Warisan Global) yang telah bertapak selama sepuluh tahun dan kini amat berpengalaman dalam bidang projek komuniti yang melibatkan pembangunan ekonomi dan sosial termasuk di kawasan luar bandar.

Program *Startup Day Kelantan* dijalankan di Dewan Terbuka Keusahawanan, Kampus Sementara UMK, Pengkalan Chepa, Kelantan selama dua hari bermula 26 Oktober 2010 dan dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Warisan Global, Encik Dhaksinamoorthy Balakrishnan (Dash)

Bengkel *Startup Day* juga dijalankan di Pulau Pinang (Hotel Sunway, Georgetown), Johor (Pusat Konvesyen Antara-bangsa Persada) dan Kuala Lumpur (Taman Teknologi Plug & Play)

Bengkel tersebut telah dikendalikan oleh salah seorang pengarah *Startup Weekend* yang berpusat di Seattle, Amerika Syarikat iaitu Marc Nager. Beliau telah memberi tunjuk ajar dan membantu ratusan syarikat baru sepanjang tahun 2009.

Marc Nager diterbangkan khas ke Malaysia untuk membantu individu yang mempunyai idea bernas yang berpotensi menjadi usahawan yang berjaya.

ENTERPRISE SATURDAY lahir pelajar bercirikan keusahawanan



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) dengan kerjasama Warisan Global Sdn. Bhd telah menganjurkan program *Enterprise Saturday* bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran keusahawanan serta selok-belok perniagaan.

Pengarah Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME) UMK, Prof. Madya Abdul Aziz Ab. Latif menyatakan, objektif program *Enterprise Saturday* adalah untuk menanam kesedaran keusahawanan dalam kalangan pelajar dengan memberi fokus khusus kepada pelajar prasiswazah tahun akhir dan pascasiswazah.

Beliau menambah, program ini dijalankan bersama Warisan Global Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat perundingan yang mempunyai jalinan kerjasama dengan Pusat Pembelajaran Keusahawanan atau Centre for Entrepreneurial Learning di Judge Business School, University of Cambridge, United Kingdom.

"Program ini dilaksanakan pada setiap hari Sabtu bermula 2 Oktober 2010 dengan penceramah jemputan yang terdiri daripada ahli korporat, tokoh usahawan dan golongan profesional," katanya.

Prof. Madya Abdul Aziz menyifatkan program *Enterprise Saturday* akan diadakan setiap hari Sabtu sepanjang bulan Oktober bertujuan membantu membangunkan modal insan berkualiti, mewujudkan syarikat-syarikat bertaraf dunia dalam pelbagai sektor industri dan mendorong melahirkan generasi baru dalam bidang keusahawanan.

Program *Enterprise Saturday* dilaksanakan dalam bentuk syarahan atau ceramah yang akan disampaikan oleh para usahawan serta golongan profesional dalam sektor industri bagi membolehkan para pelajar mempelajari aspek keusahawanan secara lebih praktikal.

Penyelidik FASA raih 1 emas, 3 perak dan 2 gangsa



TIGA Penyelidik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melakar sejarah dengan meraih 1 pingat emas, 3 pingat perak dan 2 pingat gangsa di pameran BioMalaysia 2010 yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), pada 1 hingga 3 November 2010.

Produk *My Ab* oleh Dr. Lee Seong Wei dari Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) berjaya merangkul satu pingat emas (kategori Agro Industri) dan satu perak (kategori Farmakologi) menerusi kajiannya tentang kaedah menyelesaikan masalah penggunaan antibiotik yang berlebihan dalam industri akuakultur secara lebih berkesan.

Menurut Dr. Lee, kejayaan seterusnya adalah menerusi produk *My Wengtonia* iaitu hasil penyelidikan beliau bersama penyarah FASA, En. Aweng Eh Rak berjaya meraih pingat perak dan gangsa.

Katanya, produk *My Wengtonia* ialah proses detoxifikasi untuk merawat penagih dadah yang menjalani proses pemulihan di pusat-pusat serenti.

Beliau turut memenangi pingat perak untuk Produk *My Peppell* iaitu ubat bagi rawatan untuk penyakit kanser payudara bagi kategori Agro Industri.

Sementara itu, pingat gangsa kedua dimenangi oleh Prof. Dr. Awang Soh bin Mamat dengan produk Budu Suci iaitu hasil kajian pemprosesan budu halal dengan menggunakan isi ikan.

Pameran dan Persidangan BioMalaysia 2010 yang berlangsung selama tiga hari itu telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B. Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Penyelidik FASA, Dr. Lee Seong Wei dan Prof. Dr. Awang Soh Mamat (tengah) bersama anugerah yang dimenangi.



LIMA angkasawan dunia dari Hungary, Amerika Syarikat (AS), Jerman dan Rusia hadir memeriahkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Universiti Malaysia Kelantan sempena Campus Space Walk Program

5 ANGKASAWAN DUNIA KONGSI PENGALAMAN DI UMK

LIMA angkasawan dunia dari Hungary, Amerika Syarikat (AS), Jerman dan Rusia hadir memeriahkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Universiti Malaysia Kelantan sempena Campus Space Walk Program yang diadakan di Dewan Terbuka Keusahawanan, Kampus Sementara UMK, Pengkalan Chepa pada 7 Oktober 2010.

Angkasawan itu terdiri daripada Dr. John L. Philips dari AS, Gerhard Thiele (Jerman) dan tiga lagi dari Rusia iaitu Sergei Avdeev, Pavel Vinogradov dan Dr. Oleg Kotov hadir untuk berkongsi ilmu dan pengalaman semasa berada di Stesen Angkasa Antarabangsa atau International Space Station (ISS).

Kira-kira 1,000 pelajar UMK teruja menyambut kehadiran kelima-lima angkasawan itu sempena program yang pertama kali diadakan di negeri ini.

Dalam program tersebut, para pelajar turut didedahkan tentang aktiviti angkasawan semasa berada di angkasa lepas.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed menjelaskan warga UMK berbangga kerana Universiti dipilih menjadi tuan rumah bagi menganjurkan program Campus Space Walk sempena Kongres Cakerawala ke-23 yang diadakan di Kuala Lumpur.

"Menerusi program ini, pelajar UMK boleh berinteraksi secara lebih dekat dengan angkasawan yang hadir khususnya mengenai ilmu dan pengalaman mereka semasa berada di angkasa lepas," katanya.

Sebelum itu, kelima-lima angkasawan tersebut turut hadir dalam program yang diadakan di Sekolah Menengah Sains (SMS) Tengku Muhammad Faris Petra dan Dewan Bahagian Teknologi Pendidikan (BTPN), Pengkalan Chepa, Kelantan.



Malam 500 PENONTON SAKSI KONSERT SIMFONI KASIH

Lebih 500 penonton menyaksikan Konsert Malam Simfoni Kasih, iaitu program kemuncak sempena Minggu Penghayatan Islam (MPI), anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jawatankuasa Teman (JT) Universiti Malaysia Kelantan pada 2 Oktober 2010.

Konsert yang julung-julung kali diadakan itu mendapat sambutan daripada pelajar UMK, Institut Pendidikan Guru Kota Bharu (IPKB), Kolej Teknologi Darulnaim (KTD), Universiti Sains Malaysia (USM) kampus Kubang Kerian dan Sekolah Menengah Sains (SMS) Tengku Faris Petra.

Kumpulan nasyid UNIC mendendangkan lapan buah lagu yang dipetik dari album pertama mereka seperti Jalinan dan Ainul Mardhiah serta album terbaru seperti Atas Nama Cinta, Menuju Wawasan dan Binnabil Huda. Pelbagai program menarik telah diadakan seperti pertandingan Futsal Islamik, Explorace Tarbiyah, pertandingan nasyid antara fakulti dan acara kemuncaknya diadakan persembahan konsert khas daripada artis nasyid tempatan kumpulan nasyid UNIC.

UMK - LKTN jalin kerjasama majukan Makmal Lapangan Kenaf



Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai dan Ketua Pengarah LKTN, Encik Ahmad Lukman menandatangani MoU kerjasama bagi membangunkan Makmal Lapangan Kenaf.

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mengadakan jalinan kerjasama dan perkongsian pintar dalam membangunkan Makmal Lapangan Kenaf di tapak kampus UMK di Tanggok, Bachok.

Majlis menandatangani MoU telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed dan Ketua Pengarah LKTN, Y.Brs. Encik Ahmad Lukman dalam satu majlis yang diadakan di Bilik Mesyuarat Perdana, UMK, pada 13 Oktober 2010.

Menurut Ketua Pengarah LKTN, Y.Brs. Encik Ahmad Lukman, MoU tersebut adalah bagi menyatakan komitmen kedua-dua organisasi dalam menjalinkan kerjasama yang memfokuskan kepada pembangunan makmal lapangan sebagai Model Ladang Kenaf.

MYREN BANTU TINGKAT AKTIVITI PENYELIDIKAN

PELANCARAN *Malaysian Research and Education Network* (MyREN) menjadi titik permulaan kepada kecemerlangan aktiviti penyelidikan dan pendidikan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui penggunaan teknologi berkapasiti tinggi untuk tujuan kolaborasi dengan lebih pantas dan tepat.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed menjelaskan Universiti berharap para penyelidik dalam komuniti pendidikan akan mula menggunakan MyREN sebagai sebahagian daripada aktiviti penyelidikan mereka.

Beliau berkata, jaringan MyREN kini diyakini dapat memberi manfaat besar kepada para penyelidik dan organisasi menerusi perbincangan mengenai penyelidikan atau seminar menggunakan persidangan video dengan definisi tinggi (HD).

"UMK mula menjadi ahli MyREN pada Ogos 2010 semasa menyertai *Seminar In Virtual / 3D Workspace: Open Cobalt Project* melalui persidangan video," katanya.

Beliau berkata demikian dalam perasmian program roadshow MyREN ke UMK di Dewan Terbuka Keusahawanan, Kampus Sementara UMK, Pengkalan Chepa pada 16 Disember 2010.

MyREN secara rasminya telah dilancarkan oleh Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi dan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi pada 28 Mac 2005 adalah platform yang menyediakan jalur lebar berkapasiti tinggi ke universiti-universiti, kolej-kolej, organisasi-organisasi penyelidikan dan makmal-makmal sains.

Jaringan jalur lebar yang dibiayai oleh kerajaan ini membolehkan para penyelidik menjalankan aplikasi data-intensif, berkongsi berkaitan pengkomputeran dan menjalankan aplikasi canggih bersama di Malaysia mahupun di luar negara.



Siswa diminta terlibat dalam USAHAWAN TANI

GRADUAN Universiti Malaysia Kelantan (UMK) digesa teroka peluang dalam industri pertanian dan asas tani kerana bidang ini mampu memberi pendapatan lumayan serta memberi sumbangan yang bermanfaat kepada kemajuan ekonomi negara bagi menggerakkan Model Baru Ekonomi (MBE).

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Y.Bhg. Dato' Mohd Hashim bin Abdullah, menegaskan bahawa sektor pertanian dan asas tani adalah satu sektor yang terbuka luas kerana industri ini juga terlibat dalam sektor keusahawanan yang melibatkan pertanian itu sendiri.

Katanya, pertanian adalah perniagaan dan mahasiswa jangan menganggap pertanian itu sekadar bertani kerana dalam sektor pertanian boleh menjadi sektor perniagaan.

"Pihak MOA mengalu-alukan para siswazah untuk memasuki industri ini supaya hasrat kita untuk mentransformasikan sektor ini menjadi sektor yang moden dan memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara dapat direalisasikan dalam tempoh terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Gerak Siswazah Tani bersempena Hari Kerjaya dan Keusahawanan (K3G) di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK, pada 22 Oktober 2010.

Pada masa yang sama, beliau juga berharap para siswazah UMK mengambil manfaat dari program ini untuk mendapat maklumat-maklumat tentang khidmat nasihat dan bimbingan kepada siswa/siswi, bantuan yang disediakan oleh kerajaan dan peluang serta ruang yang boleh diterokai.



PENANDAARASAN DAN LAWATAN

AGENDA PEMBANGUNAN UNIVERSITI



Wakil UMK bersama delegasi Malaysia yang menyertai lawatan kerja SME University, Jepun, anjuran SME Corp. Malaysia.

DALAM merangka aktiviti dan latihan pembangunan sumber manusia yang kompeten dan berpengetahuan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mengambil beberapa langkah termasuk mengadakan lawatan kerja ke Tokyo SME University, Jepun pada 4 Oktober 2010.

Lawatan anjuran SME Corp. Malaysia itu diketuai oleh Timbalan Menteri Perdagangan, Antarabangsa dan Industri, Y.B. Dato' Jacob Dungau Sagan, Kaunselor Menteri Jepun, En. Mohammad Sanusi Md. Som, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, Y.Bhg. Dato' Hafsa Hashim.

Sementara itu delegasi UMK diwakili oleh Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed, Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli, Prof. Dr. Ibrahim bin Che Omar, Penolong Pendaftar, Jabatan Pendaftar, Puan Nor Edawani binti Shamsuddin dan Penolong Pendaftar, Jabatan Canselori, Cik Arbaiah binti Abdul Razak.

UMK boleh berkongsi kepakaran dalam penganjuran latihan kepada usahawan yang berpotensi serta berdaya maju sehingga berupaya menyumbang kepada sektor pembangunan negara hasil daripada lawatan tersebut.

Selain itu, Universiti juga mampu mewujudkan persekitaran keusahawanan yang kondusif berasaskan pengetahuan dan kemahiran melalui perkongsian kemudahan infrastruktur latihan dan premis perniagaan.

SERAMAI tiga pegawai kanan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mengadakan lawatan kerja ke Adelaide, Australia dari 11 hingga 16 Disember 2010. Rombongan lawatan UMK terdiri daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim bin Yahya, Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli, Y.Bhg. Prof. Dr. Ibrahim bin Che Omar dan Pengarah Pusat Hubungan Korporat, Puan Wan Tik Sakinah binti Wan Mohd Zain.

Dua buah universiti yang dilawati oleh rombongan UMK ialah University of South Australia (UniSA) dan University of Adelaide. Sementara itu, satu Majlis Menandatangani Surat Niat atau *Letter of Intent* (LOI) antara UMK dan UniSA juga diadakan sempena lawatan kerja tersebut. UMK diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Azizul Halim bin Yahya manakala UniSA diwakili oleh Pro-Naib Canselor dan Naib Presiden (Antarabangsa dan Pembangunan), Prof. Nigel Relph.

Selain melawat dan mengadakan perbincangan dengan pihak UniSA, rombongan juga telah mengambil peluang melawat dan bermesyuarat dengan pihak University of Adelaide khususnya di kampus Roseworthy dan North Terrace.

Lol antara UMK-UniSA



Timbalan Naib Canselor UMK (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Azizul Halim bin Yahya dan Pro-Naib Canselor dan Naib Presiden UniSA (Antarabangsa dan Pembangunan), Prof. Nigel Relph menandatangani Lol.

PERPUSTAKAAN UMK MAMPU BERTARAF DUNIA

SEMPENA LAWATAN PUSTAKAWAN IPTA/IPTS KE PERPUSTAKAAN AKADEMIK UNIVERSITI DI HONG KONG




PENGGUNAAN kaedah teknologi moden dan terkini dalam pengurusan perpustakaan adalah antara kemudahan yang terdapat di empat buah perpustakaan di Universiti terkemuka Hong Kong.

Pengalaman itu membuatkan 32 peserta delegasi Malaysia pada program "Lawatan Penanda Arasan Pustakawan Malaysia ke Perpustakaan Universiti di Hong Kong" pada 1 hingga 5 November 2010 teruja dan kagum.

Menurut Pustakawan Kanan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Encik Hairuladzhar bin Mohd Hamdi, lawatan tersebut bertujuan meninjau perkembangan perpustakaan akademik di Hong Kong dan berkongsi ilmu tentang kejayaan perkhidmatan perpustakaan universiti terbaik di Asia.

Menurut beliau, perpustakaan yang dilawati adalah empat buah perpustakaan akademik iaitu Hong Kong Polytechnic University, Hung Hom, Kowloon, Hong Kong University of Science and Technology, Clear Water Bay, Kowloon, University of Hong Kong, Pokfulam dan Chinese University of Hong Kong, Shatin, New Territories.

KAMPUS BACHOK & JELI BEROPERASI 2011



Kampus Bachok dan Jeli akan menampung 15,000 pelajar menjelang tahun 2020 dengan 10 fakulti yang menawarkan 54 program pengajian termasuk program pengajian pasca siswazah.

KAMPUS Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di Bachok dan Jeli, Kelantan dijangka mula beroperasi pada pertengahan tahun 2011 bagi menampung seramai 3,000 mahasiswa berdasarkan lima kumpulan pengambilan pada sesi akademik 2007/2008, 2008/2009, 2009/2010 dan 2010/2011.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed berkata, kampus Bachok yang berkeluasan 230 hektar bakal menempatkan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), bangunan akademik dan bangunan pejabat Jabatan Pembangunan Infra dan Perkhidmatan.

Jelas beliau, manakala di kampus Jeli yang mempunyai keluasan 80 hektar kini dalam proses akhir pembinaan menempatkan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) juga akan siap sepenuhnya untuk digunakan pada pertengahan tahun 2011.

"Apabila siap kedua-dua kampus utama tersebut beberapa kemudahan akan dipertingkatkan seperti pertambahan fakulti, pertambahan keluasan untuk aktiviti pelajar, kemudahan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang meluas, pusat kemudahan serbaguna, kolej kediaman dan dewan serbaguna," katanya.

Beliau menjelaskan, kewujudan UMK bakal merubah landskap ekonomi masyarakat setempat di Bachok dan Jeli berdasarkan kepada perubahan pesat yang berlaku di kampus sementara Taman Bendahara Pengkalan Chepa, Kelantan.

Kampus UMK di Taman Bendahara, Pengkalan Chepa telah beroperasi sejak 2007, manakala dua kampus baru itu membabitkan perbelanjaan RM140 juta telah diluluskan Kerajaan Pusat pada September tahun lalu.

Beliau berkata, kampus tersebut juga akan menampung 15,000 pelajar menjelang tahun 2020 dengan 10 fakulti yang menawarkan 54 program pengajian termasuk program pengajian pasca siswazah.

"Kewujudan UMK telah membuka lembaran baru dalam dunia pendidikan di negeri Kelantan kerana UMK adalah satu-satunya Universiti penuh yang ditempatkan di negeri Kelantan dan Universiti pertama yang berteraskan keusahawanan di negara ini," jelasnya.



Kampus Bachok menempatkan bangunan pentadbiran, bangunan akademik, Jabatan Pembangunan Infra dan Perkhidmatan serta Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan.



Naib Canselor UMK melawat projek pembangunan kampus Bachok baru-baru ini.